

Hanya kuasa besar boleh henti keganasan Israel — Dr. M

UM 13 JAN 2002

SEPANG 12 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia dan mana-mana negara serta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hanya mampu melihat Israel melakukan keganasan ke atas Palestin selagi kuasa besar tidak mengambil tindakan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh membuat protes tetapi ia tidak akan meninggalkan sebarang kesan terhadap Israel.

“Kita boleh protes tetapi apa kita boleh buat? Masalahnya selagi orang yang ada kuasa tidak mengambil tindakan, kita boleh tengok sahaja.

“PBB juga lebih kurang sama (kedudukan mereka),” katanya di Kompleks Landasan Udara Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) di sini hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri membuat lawatan dan menaiki kereta api laju ERL dari Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Perdana Menteri mengulas tindakan tentera Israel yang menganas dengan memusnahkan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Gaza di Semenanjung Gaza semalam.

Operasi itu dilakukan oleh rejim Yahudi selepas dua penduduk Palestin membunuh empat askar Israel pada Rabu lalu di sempadan dalam satu serangan yang didakwa dilakukan oleh kumpulan militan Hamas.

Tentera Israel juga dikatakan menggerakkan pasukan mereka di sepanjang laluan utara-eelatan di Semenanjung Gaza dan menyekat sebahagian bandar Gaza di utara dari Rafah serta kawasan-kawasan lain di selatan.

Pihak berkuasa Palestin telah membuka lapangan terbang di Gaza di bawah perjanjian Wye River pada tahun 1998 tetapi kawalan keselamatan dikongsi bersama dengan Israel.

Israel sudah banyak kali menutup lapangan terbang itu pada masa lalu selepas berlaku serangan atas alasan sebagai satu langkah keselamatan.

Ketegangan di sepanjang sempadan di selatan Gaza memuncak selepas jentolak tentera Yahudi merobohkan kira-kira 60 rumah penduduk Palestin, menyebabkan 110 keluarga hilang tempat tinggal.